

kekuasaan Islam. Dalil tentang qadhi adalah di rukuk dengan perbuatan Rasulullah saw yang telah melantik para qadhi untuk memberikan keputusan (terhadap sengketa yang terjadi) ditengah-tengah masyarakat. Rasulullah saw pernah mengangkat Ali bin Abi Thalib untuk menjadi qadhi di Yaman, Mu'ads bin Jabal dan Abu Musa sebagai qadhi dan wali sekaligus di Yaman. Imam At Tabrani telah mengeluarkan satu hadith dari Masruq yang menyatakan:

*“Orang-orang yang memegang jawatan qadhi pada zaman Rasulullah saw ada enam: Umar, Ali, Abdullah bin Mas'ud, Ubai bin Ka'abm, Zaid bin Tsabit dan Abu Musa Al Asy'ari”.*

Dalil tentang jabatan untuk mengurus Mashalih daulah (kepentingan-kepentingan negara) adalah dilihat kepada tindakan Rasulullah saw yang pernah mengangkat para penulis untuk mengurus kepentingan tersebut. Rasulullah saw pernah mengangkat Mu'aiqih bin Abi Fatimah sebagai penulis ghanimah (harta hasil rampasan perang). Huzhaifah bin Al Yaman dilantik menjadi penulis hasil penduduk Hijaz bahkan, beliau juga pernah mengangkat selain kedua orang tersebut untuk mencatat kepentingan-kepentingan yang lain dan masih banyak lagi yang lainnya.

Dalam masalah kuasa Amirul Jihad (Panglima Perang), Rasulullah saw, sendiri secara langsung pernah menjadi panglima yang memimpin dan mengurus urusan pasukan perang. Baginda juga pernah mengangkat panglima perang dalam beberapa peperangan untuk melaksanakan tugas-tugas sebagai ketua pasukan perang. Rasulullah saw pernah mengirimi Abdullah bin Jahsy untuk pergi bersama sekelompok kaum muslimin mencari maklumat tentang orang-orang Quraisy lalu disampaikan kepada baginda. Baginda juga pernah mengutus Abu Salamah bin Al Asad sebagai komander perang yang berjumlah 150 orang dan Rasulullah saw sendiri yang menyerahkan panji perang kepadanya. Di mana utusan perang ini terdiri dari mereka yang menjadi pahlawan kaum muslimin yang terbaik. Mereka diantaranya ialah Abu Ubaidah Al Jarah, Saad bin Abi Waqqas dan Usaid bin Hudhair.

Adapun dalil tentang Majlis Umat yang fungsinya adalah *syura* (bermusyawarah) dan *“Muhasabah*

*lil hakim”* (menegur tindakan penguasa) sebenarnya dalam hal ini Rasulullah saw tidak memiliki lembaga khusus yang tetap, tetapi baginda meminta pendapat kaum muslimin ketika beliau memerlukannya. Beliau pernah mengumpulkan mereka pada saat perang Uhud lalu meminta pendapat mereka. Baginda juga mengumpulkan mereka ketika ada kes *“haditsu ifki”* (berita bohong tentang tindakan “serong” Aisyah) lalu beliau meminta pendapat mereka, bahkan baginda juga mengumpulkan mereka diluar keperluan tersebut. Walaupun beliau mengumpulkan kaum muslimin dan meminta pendapat mereka, namun beliau dalam musyawarahnya selalu mengajak orang-orang tertentu untuk bermusyawarah. Mereka adalah pimpinan dan tokoh masyarakat iaitu Hamzah, Abu Bakar, Ja'far, Umar, Ali, Ibnu Mas'ud, Salman, Amar, Hudzaifah, Abu Dzar, Miqdad dan Bilal. Fungsi mereka saat itu adalah layaknya sebagai lembaga syura Rasulullah saw kerana pengkhususan beliau yang selalu meminta pendapat mereka.

#### Khatimah

Dari sini jelas kepada kita, bahawa Rasulullah saw telah membangunkan struktur yang khas bagi sebuah negara, dengan bentuk dan aturan yang tertentu pula. Baginda sering menjalankan pemerintahannya sesuai dengan bentuk dan model tersebut. Setelah itu pimpinan Khalifah yang datang selepas kewafatan baginda terus mengikuti apa yang telah baginda tempuhi. Para Khalifah tersebut memimpin sebuah negara dan pemerintahan yang menyamai dengan struktur yang telah dibangun oleh Rasulullah saw di mana semuanya itu dilihat dan didengarkan oleh para sahabat. Sistem pemerintahan inilah yang telah berjalan selama khilafah Islamiyyah masih wujud walaupun di saat-saat akhir kekhilafahan telah wujud usaha ‘pengkompromian’ antara sistem pemerintahan Islam dengan bentuk yang lain. Oleh sebab itu adalah menjadi kewajipan kepada setiap individu muslim untuk berusaha menegakkan kembali sistem pemerintahan ini dengan thariqah (method) yang berlandaskan kepada ketetapan syara’ sebagai mana yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah dan para sahabat. Apa yang pastinya thariqah yang sebenar kepada usaha megembalikan kehidupan Islam ini bukanlah dengan memilih jalan demokrasi dalam versi mana sekalipun. Akhirul qalam, Demokrasi tidak berkaitan dengan Sistem pemerintahan Islam. Wallahu ‘alam.

Penyalinan/penerbitan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan mendapat keredhaan Allah SWT. Tiada Hakcipta (Copyright) di dalam Islam.

Sebarang pertanyaan atau komen, sila e-melkan ke [iinds@yahoo.com](mailto:iinds@yahoo.com) (<http://islamika.tripod.com>)



Menggilap Permata Islam

# AL-JAWAHIR

Bil 17/2000

12 Mei 2000

Edisi Mingguan

<http://islamika.tripod.com>

[iinds@yahoo.com](mailto:iinds@yahoo.com)

## ANTARA DEMOKRASI DAN Pemerintahan ISLAM

*Pelbagai persoalan telah timbul di akhir-akhir ini berhubung dengan persoalan Demokrasi dan isu bentuk pemerintahan Islam yang sebenar. Begitu pula masih ramai lagi umat Islam yang masih tidak dapat melihat bentuk pemerintahan Islam itu sendiri. Ini adalah disebabkan Sistem Pemerintahan Islam 'ala minhaj an nubuwwah tidak lagi wujud setelah telah dihapuskan sejak 1924 lagi hinggalah ke saat ini. Begitu pula AJ sering diujjani dengan komentar pembaca berhubung dengan persoalan ini. Maka insyaAllah, Isu kali ini akan menyentuh soal politik pemerintahan Islam supaya ianya akan membuka kerangka pemikiran kita terhadap bentuk sistem pemerintahan masa kini.*

#### Realiti

Jelas jika dilihat kepada realiti kini seolah-olah umat Islam seperti kehilangan arah untuk menentukan bentuk sistem pemerintahan yang akan dilaksanakan. Masing-masing kini memandang ke arah “Sistem Demokrasi” yang mana ia sebenarnya menipu diri umat Islam. Ini adalah kerana jelas

**E-mel buletin islam@yahoo.com telah dihapuskan atas sebab-sebab tertentu. Buat masa ini sila gunakan iinds@yahoo.com**

Sila jangan baca semasa khatib sedang berkhotbah

HARAM hukumnya kita mengambil, menerapkan dan menyebarkan sistem demokrasi sebagai sistem pemerintahan negara.

Perlu diketahui demokrasi adalah berasal dari ciptaan manusia itu sendiri dan tidak akan mampu memberikan penyelesaian kepada seluruh permasalahan kehidupan manusia di dunia hari ini dan masa-masa yang akan datang.

Maka di sini, kami akan membentangkan apakah bentuk sistem pemerintahan yang sepatutnya diperjuangkan oleh umat Islam pada hari ini? dan bukannya terus ditipu oleh kuasa kuffar Amerika dengan menipu dengan hembusan racun demokrasi yang berjaya menggerakkan lebih 100 juta rakyat Indonesia untuk mengundi bagi terus mengekalkan sistem pemerintahan kufur demokrasi di Indonesia.

#### Bentuk Pemerintahan Islam

Sistem pemerintahan Islam adalah suatu sistem yang unik sama sekali berbeza dengan sistem-sistem pemerintahan yang ada di dunia masa kini. Ianya berbeza baik dari segi asas yang menjadi landasan berdirinya, pemikiran, konsep, tolok ukur serta hukum-hukum yang digunakan untuk memelihara kepentingan umat. Secara jelasnya sistem pemerintahan Islam bukanlah dalam bentuk:

- i. Pemerintahan Beraja.
- ii. Pemerintahan Republik/Demokrasi.
- iii. Pemerintahan Kekaisaran.
- iv. Pemerintahan Persekutuan.

Tegasnya sistem pemerintahan di dalam Islam adalah sistem Khilafah dan ini telah disepakati dari Ijma' Sahabah terhadap kesatuan Khilafah, kesatuan negara serta ketidakbolehan berbai'at selain kepada seorang Khalifah sahaja pada satu-satu masa.

#### Rukun-rukun Pemerintahan Islam

Sistem pemerintahan Islam tertegak di atas empat

rukun seperti di bawah ini:

- i. Kedaulatan di tangan syara'
- ii. Kekuasaan adalah milik ummat.
- iii. Mengangkat seorang khalifah hukumnya adalah fardhu bagi seluruh kaum muslimin.
- iv. Hanya Khalifah yang berhak melakukan tabanni (menerima pakai) terhadap hukum-hukum syara. Khalifah juga berhak membuat undang-undang dasar dan semua undang-undang yang lain.

### **Kedaulatan di tangan Syara'**

Prinsip ini menjelaskan kepada kita bahawa kedaulatan bukanlah berada di tangan ummat sebagaimana yang berlaku di dalam sistem demokrasi. Ini jelas dengan memandang kepada keadaan di mana semua urusan dan aspirasi individu adalah ditangani dan diatur oleh syara' bukanlah individu itu sendiri dengan sesukanya. Seluruh perbuatan dan tindakan setiap individu adalah terikat dengan perintah dan larangan Allah swt. Dalil yang berkaitan dengan hal ini adalah sebagaimana firman Allah swt:

*"Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman sehingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihan"*  
(An-Nisa: 65)

*"Hai orang-orang beriman, ta'atilah Allah dan ta'atilah Rasul-Nya dan Ulil amri di antara kamu kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Kitab) dan Rasul (Sunnahnya), jika kalian benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian"* (An-Nisa: 59)

Pengertian "Kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul" adalah "Kembalikan kepada Hukum Syara'". Oleh yang demikian, yang "berautoriti" ditengah-tengah ummat dan individu serta yang menangani dan mengendalikan aspirasi ummat dan individu itu adalah apa-apa yang dibawa oleh Rasulullah saw. Di mana ummat dan individu itu kesemuanya wajib tunduk kepada syara. Kerana itulah kedaulatan di tangan syara'.

### **Kekuasaan di Tangan Umat**

Adapun prinsip kedua iaitu kekuasaan di tangan ummat diambil dari fakta bahawa syara' telah menjadikan pengangkatan Khalifah oleh ummat,

dimana seorang Khalifah hanya memiliki kekuasaan melalui bai'at. Dalil bahawa syara' telah menjadikan pengangkatan Khalifah oleh ummat adalah tegas sekali di dalam hadith-hadith tentang bai'at. Imam Muslim telah meriwayatkan dari Ubadah bin Shamit yang berkata:

*"Kami telah membai'at Rasulullah saw untuk setia mendengar dan menta'ati perintahnya, baik dalam keadaan susah maupun baik dalam keadaan yang kami senangi ataupun tidak kami senangi".*

Dari Jarir bin Abdillah yang berkata:

*"Aku memba'at Rasulullah saw untuk mendengar dan menta'ati (perintah)-Nya dan aku akan menasihati tiap kaum Muslimin".*

Bai'at tersebut diberikan oleh kaum Muslimin kepada Khalifah, bukan oleh Khalifah kepada kaum Muslimin, kerana merekalah yang sebenarnya mengangkat Khalifah sebagai penguasa mereka.

Kenyataan ini menunjukkan bahawa kekuasaan di tangan ummat. Nabi saw sekalipun beliau adalah Rasul namun beliau tetap mengambil bai'at dari ummat, menunjukkan bahawa bai'at adalah untuk mendapatkan kekuasaan dan pemerintahan, bukan bai'at terhadap kenabian. Beliau telah mengambil bai'at tersebut baik dari lelaki maupun wanita dan beliau tidak mengambil bai'at dari anak-anak kecil yang belum baligh kerana kaum musliminlah yang mengangkat seorang Khalifah dan membai'at mereka dengan Kitabullah dan Sunah Rasul-Nya, di samping Khalifah mendapatkan kekuasaan hanya dengan adanya bai'at tersebut, maka semuanya tadi telah menjadi dalil yang tegas bahawa kekuasaan adalah milik ummat di mana ummat boleh memberikannya kepada siapa sahaja yang dikehendakinya.

### **Mengangkat Seorang Khalifah Hukumnya Fardhu Bagi Seluruh Kaum Muslimin.**

Prinsip yang ketiga adalah mengangkat seorang Khalifah hukumnya merupakan suatu kefardhuhan bagi seluruh kaum muslimin. Ini adalah berdasarkan hadith Imam Muslim telah diriwayatkan oleh Nafi' yang berkata: Abdullah bin Umar berkata kepadaku: Aku mendengar Rasulullah saw bersabda:

*"Siapa sahaja yang melepaskan tangan dari keta'atan, ia akan bertemu dengan Allah di hari kiamat tanpa mempunyai"*  
— Al-Savahir 2 —

*hujah dan siapa sahaja yang mati sedangkan di atas pundaknya tiada bai'at, maka ia mati dalam keadaan mati jahiliyah".*

Sedangkan Khalifah itu mesti seorang sahaja, ini didasarkan kepada hadith yang diriwayatkan dari Abi Saïd Al Khudri dari Nabi saw yang bersabda:

*"Apabila dibai'at dua orang Khalifah, maka bunuhlah yang terakhir dari keduanya".(H.R Imam Muslim)*

Hadith ini dengan tegasnya mengharamkan kaum muslimin untuk memiliki Khalifah lebih dari satu orang.

### **Hanya Khalifah Yang Berhak Melakukan Tabanni (Menerima Pakai) Terhadap Hukum-Hukum Syara'.**

Prinsip yang keempat adalah, bahawa hanya Khalifah sahaja yang berhak melakukan "Tabanni" (menerima pakai) terhadap hukum-hukum syara'. Perinsip ini ditegaskan berdasarkan dalil dari ijma' sahabat. Ijma' sahabat telah menetapkan, bahawa hanya Khalifah yang berhak untuk menerima pakai hukum-hukum syara'. Berdasarkan ijma' ini diambil kaedah ushul fiqh yang sangat popular.

*"Perintah imam (Khalifah) menghapuskan perselisihan (di kalangan fuqaha)".*

*"Perintah imam (Khalifah) berlaku, baik secara lahir mahupun batin".*

*"Bagi seorang Sulthan (Khalifah) diperbolehkan untuk mengambil keputusan hukum sesuai dengan masalah yang terjadi".*

### **STRUKTUR DAULAH ISLAM**

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, Daulah Islam berdiri di atas lapan struktur iaitu:

1. Khalifah (ketua negara).
2. Mu'awin Tafwidh.
3. Mu'awin Tanfidz.
4. Amirul Jihad.
5. Wali.
6. Qadhi.

Untuk Analisis, Berita dan Perkembangan terkini sila kunjungi laman  
**International Islamic & Development Studies (IINDS) (<http://islamika.tripod.com>)**

— Al-Savahir 3 —

7. Mashalih Daulah.
8. Majlis Umat.

Dalil struktur di atas adalah *af'al* (perbuatan) Rasulullah saw. Ini adalah sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh baginda dalam membangun dan membina struktur negara dengan bentuk dan model seperti di atas semasa berdirinya Daulah Islam di Madinah. Di antara fokus yang perlu dilihat dan diperhatikan di dalam membahas struktur Daulah Islam seperti yang dinyatakan di atas ialah: Nabi Muhammad saw selain sebagai seorang Rasul yang membawa risalah Islam ke seluruh alam ini, juga adalah merupakan seorang ketua negara yang berkuasa dan memerintah dengan melaksanakan dan menerapkan seluruh hukum-hukum Allah swt yang diturunkan kepada beliau. Allah swt berfirman:

*"Maka putuskanlah perkara atau urusan mereka menurut apa yang Allah swt turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu".*  
(Al-Maa'idah: 48)

Dalil tentang keberadaan para Mu'awin (pembantu Khalifah samaada dibidang pemerintahan dan pentadbiran iaitu Mu'awin Tafwidh ataupun Mu'awin Tanfidz) adalah jelas dari tindakan Rasulullah saw yang telah memilih Abu Bakar r.a dan Umar bin Khatab r.a sebagai Mu'awin beliau. Imam Al-Hakim dan At Tirmidzi telah meriwayatkan dari Abi Sa'id Al Khudri yang mengatakan, bahawa Rasulullah saw bersabda:

*"Dua wazir (pembantu)-ku (yang aku pilih) dari penduduk bumi ini adalah Abu Bakar dan Umar".*

Perlu diketahui bahawa Mu'awin adalah orang yang diberi kuasa untuk membantu Khalifah di dalam melaksanakan semua aktiviti secara umum, bahkan tidak dibenarkan untuk mengkhushuskannya dalam bidang tertentu sahaja.

Dalil tentang wali adalah dilihat dari tindakan Rasulullah saw yang telah mengangkat para wali di wilayah-wilayah tertentu. Rasulullah saw pernah mengangkat Utub bin Usaid untuk menjadi wali di Mekah setelah pembukaan Kota Mekah dan setelah Badzan bin Sasan memeluk Islam, beliau mengangkatnya untuk menjadi wali di Yaman, begitu juga di wilayah-wilayah lain yang berada di bawah